



**PENYATA
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENGENAI PEJABAT DAERAH DAN
TANAH
(JPK-PADAT)**

1 Nov 2009 - 31 Dis 2010

KANDUNGAN

Ahli-ahli Jawatankuasa

Urusetia

Pegawai-pegawai Yang Turut Hadir Dalam Mesyuarat

1.PENDAHULUAN

Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JPK-PADAT) pada Mesyuarat Ketiga Persidangan Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor yang Kedua Belas yang bersidang pada 9 November 2009 yang lalu telah membentangkan penyatanya untuk tempoh 6 Mei 2009 sehingga 31 Oktober 2009 di hadapan Dewan.

Penyata ini disediakan bagi melaporkan kepada Dewan yang mulia ini aktiviti JPK-PADAT untuk tempoh 1 November 2009 hingga 31 Disember 2010.

2.LAPORAN JAWATANKUASA

JPK-PADAT yang tubuhkan di bawah Peraturan 71(3), Peraturan-peraturan Tetap Dewan dianggotai oleh 7 orang Ahli Dewan Negeri. Walau bagaimana pun pada 2 Mac 2010, Y.B. Dato' Subahan Bin Kamal selaku Ahli Jawatankuasa telah meletakkan jawatan di atas sebab-sebab yang telah dimaklumkan kepada Jawatankuasa. Dengan keanggotaan seramai enam (6) orang, ia tidak melumpuhkan semangat JPK-PADAT untuk bergerak aktif dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan.

Selaras dengan tujuan utama penubuhan JPK-PADAT untuk memantau selia segala urusan pentadbiran Pejabat-pejabat Daerah dan Tanah di Selangor, Jawatankuasa telah mengadakan beberapa sesi mesyuaratnya bagi tahun 2010 seperti berikut :

- i. 7 Januari 2010;
- ii. 4 Februari 2010;
- iii. 11 Mac 2010;
- iv. 6 Mei 2010;
- v. 19 Ogos 2010;
- vi. 25 November 2010; dan
- vii. 9 Disember 2010

Jawatankuasa turut menjemput Pengarah Jabatan Audit Negeri Selangor, Timbalan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri seperti yang telah dipersetujui dan diputuskan oleh Mesyuarat Bersama Pengerusi Jawatankuasa-Jawatankuasa Di Bawah Dewan Negeri Selangor pada 31 Julai 2009 yang antara lain bersetuju Laporan Audit Negara yang menyentuh mana-mana jabatan di bawah bidang kuasa JPK-PADAT akan diserahkan kepada Jawatankuasa sebagai pendedahan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Laporan Audit terhadap siasatan-siasatan ke atas Pejabat-pejabat Daerah dan Tanah Selangor.

2.1. TAKLIMAT OLEH PEJABAT DAERAH DAN TANAH NEGERI SELANGOR

Sesi taklimat Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor diteruskan dengan menjemput Pejabat Daerah dan Tanah berikut untuk memberi taklimat di mesyuarat Jawatankuasa berhubung prestasi kutipan hasil dan laporan tunggakan permohonan tanah di samping perbincangan permasalahan yang dihadapi oleh Pejabat Daerah dan Tanah. Sebagai pemantauan kepada dua aktiviti utama Pejabat Daerah, Jawatankuasa turut mengambil perhatian permasalahan yang dihadapi oleh Pejabat Daerah sama ada berkaitan pentadbiran mahupun isu-isu setempat. Antara perkara dan permasalahan yang dimaklumkan kepada Jawatankuasa oleh Pejabat Daerah dan Tanah berikut adalah:

2.1.1. Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat (PDTHL) - 7 Januari 2010

Antara permasalahan yang dihadapi oleh Unit Tanah di PDTHL berkaitan permasalahan permohonan pemberimilikan tanah adalah:

- i. Masalah persempadanan tanah;
- ii. Ukuran atau saiz tanah yang berbeza dengan pelan lakaran menyebabkan berlakunya pertindihan tanah;
- iii. Masalah kilang haram yang iaitu tiada kerjasama dari tuan tanah atau pemilik kilang;
- iv. Pencerobohan tanah; dan
- v. Kes kecurian pasir

Walaupun PDTHL dapat mencapai sasaran dalam kutipan hasil namun beberapa masalah yang turut menyumbang kepada kutipan hasil tertunggak antaranya:

- i. Kesukaran mengesan pemilik tanah terutamanya yang melibatkan gerangan lama;
- ii. Lokasi tanah sukar dikesan kerana lot dalam cukai tanah berbeza dengan lot di bahagian pelan;
- iii. Keluasan hak milik berubah di mana telah ada pengambilan balik sebahagian tanah tetapi Borang K tidak *endorse*;
- iv. Hak milik wujud dalam Sistem Pungutan Hasil Tanah (SPHT) tetapi tidak wujud dalam Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB); dan
- v. Syarikat telah gulung tikar.

Pentadbiran PDTHL juga menghadapi masalah perjawatan iaitu pegawai yang berpengalaman dan telah berkhidmat dalam tempoh masa yang lama adalah berstatus kontrak. PDTHL berpendapat sekiranya ianya digantikan dengan pegawai baru, ia akan mengambil masa untuk mendapatkan kemahiran yang diperlukan.

Ulasan dan Cadangan Jawatankuasa.

Jawatankuasa berharap prestasi kutipan hasil semasa dan tunggakan hasil PDTHL dapat ditingkatkan dari masa ke semasa disamping menangani permasalahan yang timbul sama ada permasalahan pentadbiran mahupun masalah setempat.

2.1.2. Pejabat Daerah dan Tanah Gombak (PDTG) - 4 Februari 2010

Masalah yang sering dihadapi di Unit Hasil yang menyumbang kepada kutipan hasil tertunggak antaranya:

- i. Tiada kerjasama diberikan oleh penunggak terutamanya apabila dipanggil untuk perjumpaan;
- ii. Alamat tidak lengkap atau telah berpindah menyebabkan bil-bil tidak sampai dan dipulangkan ke Pejabat Daerah;
- iii. Tiada sistem yang menghubungkan Unit Hasil dan Unit Pendaftaran menyebabkan kes-kes terbatal tidak dimaklumkan kepada Unit Hasil; dan
- iv. Sistem Pungutan Hasil Tanah (SPHT) kerap menghadapi masalah.

Bagi permohonan pemberimilikan tanah, masalah yang dihadapi adalah kelewatan menerima ulasan daripada Jabatan Teknikal di samping masalah kekurangan Penolong Pegawai Tanah antara penyebab kelewatan memproses permohonan. Walau bagaimanapun, setiap permasalahan yang dinyatakan, Pejabat Daerah turut memaklumkan strategi penyelesaian yang difikirkan relevan bagi setiap masalah yang timbul.

Manakala dari segi pentadbiran permasalahan termasuklah sistem pemfailan yang kurang berkesan, ruang pejabat yang sempit termasuk Bilik Kebal, kekurangan peralatan dan latihan serta kekurangan kakitangan. Turut dimaklumkan adalah kaunter Khidmat Pelanggan di Pejabat Daerah dan Tanah tidak menawarkan kemudahan yang mesra pelanggan di mana pelanggan dan kakitangan bertugas terpaksa berinteraksi dengan nada yang tinggi semasa berurusan dan menimbulkan ketidakselesaan.

Ulasan dan Cadangan Jawatankuasa.

Jawatankuasa berharap prestasi kutipan hasil semasa dan tunggakan hasil dapat ditingkatkan lagi. Ulasan dan beberapa pandangan serta cadangan dikemukakan kepada Pejabat Daerah Gombak antaranya:

- i. Program Ops Ketuk Pintu dipergiatkan sepanjang tahun terutamanya ke premis-premis penunggak tegar memandangkan ia dapat membantu dalam menyelesaikan atau mengurangkan tunggakan kutipan cukai;

- ii. Jawatankuasa juga bersetuju untuk mencadangkan sistem Kaunter di Pejabat Daerah dinaikkan taraf agar ia lebih mesra pelanggan;
- iii. Mengamalkan Konsep *FIFO* (*First In First Out*) terutamanya yang berkaitan dengan permohonan bagi memastikan ia diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- iv. Memantapkan Kawalan (*Timeframe*) terutamanya di dalam penerimaan borang-borang permohonan bagi memastikan output yang lebih berkesan;
- v. Pewujudan KPI berdasarkan kemampuan dan bilangan kakitangan bagi mencapai standard dalam mempertingkatkan mutu pengurusan Pejabat Daerah dan Tanah;
- vi. Mengadakan temu duga terbuka bagi permohonan-permohonan yang belum diselesaikan sebagai alternatif penyelesaian permohonan dan memudahkan proses mengangkat kertas ke Mesyuarat MMKN terutamanya bagi kawasan yang banyak dimohon LMS.
- vii. Kerani yang menerima permohonan perlu membuat salinan (*scan*) dokumen tersebut dan disimpan dalam bentuk *pdf* atau cakera keras sebagai langkah mengelakkan maklumat tersebut tidak dapat dikesan sekiranya dokumen atau fail asal hilang.

2.1.3 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor (PDTKS) - 11 Mac 2010

Kebanyakan permasalahan yang dihadapi oleh PDTKS adalah dari segi pentadbiran termasuklah perjawatan di mana jawatan-jawatan kritikal masih kosong dan tidak diisi menyebabkan pegawai-pegawai sedia ada menanggung kerja unit lain di samping kekurangan pegawai-pegawai lelaki, permasalahan ruang pejabat yang sempit termasuk Bilik Kebal, kawasan kaunter dan stor penyimpanan fail, peralatan dalam keadaan uzur dan kekurangan latihan bagi warga kerja.

Selain daripada permasalahan pentadbiran, kelewatan mendapat ulasan teknikal daripada jabatan-jabatan teknikal menjadi masalah utama dalam prosedur kerja yang menyebabkan kelewatan membawa kertas cadangan ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Jawatankuasa juga dimaklumkan berhubung permasalahan setinggan di beberapa kawasan di Kuala Selangor seperti di Kg. Sri Sentosa yang bersempadan dengan Daerah Petaling. Setinggan yang diduduki oleh penduduk setempat dan juga penduduk

tetap ini dilihat dapat diselesaikan dengan kerjasama Pejabat Daerah Petaling. Permasalahan setinggan di tanah simpanan kereta api di Teluk Piai hingga ke Klang juga dalam proses penyelesaian.

Turut dibangkitkan isu tapak kubur di Daerah Kuala Selangor. Maklum balas daripada ketua-ketua kampung menyatakan permasalahan tapak kubur yang terhad tidak dapat menampung keperluan kampung-kampung yang ada di sekitar perlu diambil perhatian serius dan tindakan segera. Perkara ini telah dimaklumkan kepada Dato' Menteri Besar. Tuan Pegawai Daerah mencadangkan agar tanah kerajaan yang dijadikan estet di ambil semula untuk menjadikan tanah perkuburan memandangkan tanah kerajaan yang tinggal di Daerah Kuala Selangor agak berkurangan dan kurang sesuai untuk dijadikan tanah perkuburan.

Ulasan dan Cadangan Jawatankuasa.

Jawatankuasa berharap prestasi kutipan hasil semasa dan tunggakan hasil PDTKS dapat ditingkatkan disamping cadangan-cadangan di bawah dikemukakan:-

- i. Jawatankuasa akan melihat permasalahan ruang pejabat yang agak terhad di kebanyakan Pejabat Daerah. Sekiranya terdapat peluang untuk memanjangkan perkara ini ke pihak yang sepatutnya, Jawatankuasa akan memanjangkan cadangan dan berharap isu ruang pejabat dapat diselesaikan;
- ii. Masalah perjawatan di PDTKS perlu diambil berat memandangkan kekurangan pegawai-pegawai boleh mengganggu kelincinan urusan pentadbiran;

2.1.4 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat (PDTKL) - 6 Mei 2010

Jawatankuasa dimaklumkan berhubung isu hutan simpan Kuala Langat Selatan yang telah diteroka oleh pengusaha tanaman sayur. Oleh sebab tiada tanah kerajaan di Kuala Langat, pengusaha tersebut telah meneroka ke hutan simpan ini.

Lokasi pejabat PDTKL yang agak terpencil di kawasan baru di Kota Seri Langat menyukarkan orang awam untuk berurus. Mereka terpaksa berjalan sehingga 1.5 km dan ini agak menyukarkan orang ramai yang terpaksa berjalan jauh untuk ke PDTKL. Pada masa ini, Mahkamah Syariah bersebelahan pejabat PDTKL juga sedang dalam pembinaan.

Jawatankuasa turut dimaklumkan berhubung dengan kes penipuan pindah milik tanah. Terdapat 3 kes, 2 kes telah selesai sebelum sampai ke mahkamah dan 1 kes lagi dalam siasatan polis. Tuan Pegawai Daerah mencadangkan agar majlis peguam menggunakan sistem *biometrik* sebagai tanda pengenalan, bukan hanya menggunakan

tandatangan. Tetapi ini belum dilaksanakan lagi. Setiap peguam hendaklah mempunyai pengenalan sendiri atau bar kod dan mempunyai sistem yang boleh membaca pengenalan atau bar kod tersebut.

PDTKL memaklumkan, menerima maklum balas orang ramai sama ada melalui Sistem Pesanan Ringkas(SMS) atau melalui e-mel mengenai kes kecurian pasir. Ketua-ketua kampung dan Unit rondaan juga memberi maklumat berhubung kecurian pasir ini sekiranya berlaku. Dalam memantau kecurian pasir, antara yang perlu diberi perhatian adalah keselamatan semasa melakukan pemeriksaan. Pemantauan berkurangan pada hari Jumaat terutamanya pada jam 12.30 hingga 2.30 petang menyebabkan pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan mencuri pasir pada waktu tersebut.

PDTKL mencadangkan pemindahan kilang haram ke kawasan baru sebagai satu daripada penyelesaian masalah kilang haram. Walau bagaimanapun, kawasan kilang haram yang asal perlulah dirobohkan. Dari segi pentadbiran, perlulah dibuat satu permit khas untuk pengusaha dan tuan punya tanah dengan syarat industri tersebut tidak mendatangkan pencemaran.

Ulasan dan Cadangan Jawatankuasa

Berdasarkan taklimat Jawatankuasa berpuas hati dengan prestasi PDTKL dan turut berharap prestasi kutipan hasil semasa dan tunggakan hasil dapat ditingkatkan lagi pada tahun ini. Di samping itu cadangan-cadangan di bawah juga dikemukakan :-

- i. Jawatankuasa mencadangkan dari segi operasi kutipan hasil, tindakan tegas perlu diambil agar orang ramai segera membayar cukai tersebut. PDTKL juga harus mempergiatkan lagi kutipan hasil serta dibuat secara berkala.

2.1.5 Pejabat Daerah dan Tanah Petaling (PDTP) – 19 Ogos 2010

Jawatankuasa dimaklumkan punca sebenar Anak-anak Syarikat Negeri Selangor mempunyai tunggakan hasil yang tinggi kepada Kerajaan Negeri Selangor adalah kerana tanah dimajukan dahulu tanpa mendapat *title* ataupun *title* lambat dikeluarkan. Dalam tempoh mendapatkan *title*, tiada cukai yang dijelaskan disebabkan tiada hak milik dikeluarkan. PDTP memberikan kelonggaran kepada Anak-anak Syarikat untuk membayar tunggakan cukai tersebut, tetapi cukai tertunggak yang terkumpul tahun demi tahun menyebabkan jumlah terkumpul semakin meningkat.

Sebagai langkah untuk menggalakkan tunggakan cukai dijelaskan, PDTP mengeluarkan Notis Perampasan sebagai langkah terakhir. PDTP sedang dalam proses mengeluarkan beberapa Notis Perampasan dan penunggak diberi masa 3 bulan sebelum tindakan merampas diambil.

Pembayar cukai yang dibenarkan untuk menjelaskan tunggakan atau bayaran secara ansuran ialah individu yang mempunyai tunggakan yang tinggi jumlahnya, orang-orang tua dan penerima zakat asnaf. Sekiranya melibatkan syarikat, PDTP akan mengeluarkan notis dan rujuk kepada perjanjian yang telah ditandatangani.

Tunggakan cukai turut berlaku apabila pemilik tanah berpindah tetapi tidak memaklumkan kepada Pejabat Daerah dan Tanah pertukaran alamat. Oleh itu PDTP bercadang melaksanakan sistem seperti yang diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Sistem yang ada di Pejabat Daerah dan Tanah tidak mempunyai pautan dengan Jabatan Pendaftaran Negara untuk membuat penyemakan alamat terkini pemilik.

PDTP pernah bercadang untuk mengiklankan nama-nama pemilik yang mempunyai cukai tertunggak tetapi dibatalkan kerana kekangan kewangan. Berhubung sistem SPTB dan SPHT, perbincangan telah dilakukan di peringkat Negeri Selangor dan syarikat juru runding telah dilantik untuk menyelaraskan sistem tersebut.

Tanah-tanah yang *Kontra in Kind* merupakan bidang Kuasa Kerajaan Negeri, kutipan hasil tanah tersebut adalah berdasarkan *title*. Apabila diserahkan kepada orang Asli, dengan tidak membatalkan *master title*, Pejabat Daerah dan Tanah akan mengeluarkan cukai yang dibilik terus kepada pemilik asal tanah. Kes-kes seperti ini sedang di dalam proses penyelesaian, sebagai contoh di antara PKNS dengan Syarikat Eco Asli Sdn. Bhd.

PDTP tidak dimaklumkan berhubung penggantian tanah untuk SRJK (C) dan (T) yang akan didirikan stesen LRT ke kawasan Kampung Bukit Lancung. Semakan akan dibuat memandangkan terdapat banyak kes pertindihan tanah lot di Petaling yang perlu dibuat ukur halus. Penerokaan juga banyak dilakukan di kawasan-kawasan lapang di mana gerai didirikan dan sebagainya.

Ulasan dan Cadangan Jawatankuasa

Jawatankuasa mengambil maklum prestasi kutipan hasil dan tunggakan permohonan tanah di Petaling dan berharap prestasi baik dapat dikekalkan di masa akan datang. Jawatankuasa turut bersetuju dengan cadangan Notis Perampasan dikeluarkan dan dilaksanakan dengan lebih kerap supaya dapat menunjukkan keseriusan Pejabat Daerah dan Tanah Petaling dalam menyelesaikan tunggakan cukai.

Dengan taklimat daripada Pejabat Daerah dan Tanah Petaling, maka Jawatankuasa telah berjaya mendengar kesemua 9 Pejabat Daerah dan Tanah di Selangor dan mendapat gambaran mengenai prestasi kutipan hasil dan tunggakan permohonan tanah di samping mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh kesemua Pejabat Daerah dan Tanah di Negeri Selangor.

2.2 LAWATAN TURUN PADANG

2.2.1 Kompleks Pejabat Daerah dan Tanah Petaling, Lot 37026, Seksyen U5, Shah Alam.

Bagi melengkapkan dan mendapatkan gambaran menyeluruh dalam sistem pentadbiran Pejabat-pejabat Daerah, Jawatankuasa telah bersetuju untuk mengadakan sesi turun padang ke Pejabat-pejabat Daerah. Lawatan turun padang pertama dimulakan ke Kompleks Pejabat Daerah dan Tanah Petaling pada 9 Disember 2010.

Jawatankuasa mengambil maklum, Kompleks ini akan menempatkan 4 buah jabatan iaitu, Pejabat Daerah/Tanah Petaling, Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Petaling, Jabatan Kerja Raya Daerah Petaling dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

- i. Perpindahan dijangkakan seawal Mac 2011 dan perpindahan sepenuhnya pada bulan Mei 2011. Bagi tidak mengganggu perjalanan kutipan hasil dan pembayaran cukai, dalam tempoh tersebut, Pejabat Daerah/Tanah Petaling akan menyediakan *helpdesk* bagi semua unit di lokasi lama untuk membantu menyampaikan maklumat dan panduan kepada pengguna ke lokasi baru.
- ii. Hebahan kepada orang ramai akan dibuat seawal Januari 2011 dan akan diteruskan sehingga selesai perpindahan keseluruhannya dalam pelbagai medium media cetak seperti surat khabar dan *leaflet*. Ketua-ketua kampung dan penghulu telah dimaklumkan di dalam beberapa sesi pertemuan bersama Pejabat Daerah. Pejabat Daerah/Tanah Petaling juga akan membekalkan sejumlah *flyers* kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk diedarkan kepada kawasan masing-masing.
- iii. Permasalahan pengangkutan awam di lokasi baru telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Tindakan Daerah yang turut dibincangkan bersama pengusaha bas dan LPPKP. Antara permintaan Pejabat Daerah/Tanah Petaling adalah perkhidmatan bas sedia ada dipanjangkan ke lokasi baru.

- iv. Pejabat Daerah juga akan menyediakan kemudahan *shuttle* bas daripada lokasi lama ke lokasi baru kepada kakitangan di peringkat awal perpindahan. Walau bagaimanapun ia akan melibatkan kos yang agak tinggi sekiranya tiada alternatif lain disediakan.
- v. Bagi menambahkan kecekapan dan mengekalkan prestasi kutipan hasil, cadangan agar Pejabat Daerah mendapatkan bantuan daripada 3 Pihak Berkuasa Tempatan (MPSJ, MBPJ dan MBSA) bagi menyediakan perkhidmatan *shuttle* bas kepada orang awam daripada PBT masing-masing ke Pejabat Daerah Tanah Petaling.
- vi. Memandangkan lokasi Kompleks ini yang agak jauh dan kurang kemudahan, tanda arah yang secukupnya perlulah disediakan sebagai panduan kepada pengguna. Jawatankuasa turut mencadangkan agar syarikat kontraktor dapat menyediakan dan menyumbang beberapa papan tanda arah yang bersesuaian.
- vii. Jawatankuasa mengambil maklum Kompleks ini seluas 11.19 ekar dan masih mempunyai baki 19 ekar. Oleh itu, Pejabat Daerah disyorkan agar memikirkan cadangan-cadangan yang sesuai untuk pembangunan baki tanah tersebut. Jawatankuasa mengesyorkan Pejabat Daerah/Tanah mengadakan perbincangan bersama kontraktor dan menekankan perkara-perkara seperti masalah kekurangan parkir kereta, kemudahan lain seperti Dewan, Kuarters, Taska dan tanda arah (*signage*) untuk pertimbangan semula syarikat kontraktor kerana Jawatankuasa berpendapat pulangan sedia ada tidak setimpal dengan nilaiannya.

Ahli-ahli lawatan kemudian di bawa melihat kemudahan yang ada di Kompleks tersebut seperti Bilik Gerakan, Bilik Kebal, Surau, Kafeteria dan kawasan sekitar. Turut di bawa melihat ke 4 unit Kuarters Banglo bersebelahan dengan Kompleks tersebut.

2.3. ADUAN-ADUAN KEPADA JAWATANKUASA

JPK-PADAT telah menerima aduan-aduan daripada pengadu antaranya;

2.3.1. Isu Permohonan Pemberimilikan Tanah Kerajaan di Lot P.T. 18908, Taman Sri Muda Bukit Kemuning, Mukim Klang, Selangor

JPK-PADAT menerima aduan berhubung Isu Permohonan Pemberimilikan Tanah Kerajaan di Lot P.T. 18908, Taman Sri Muda Bukit Kemuning, Mukim

Klang, Selangor oleh Syarikat Maha Positif Sdn. Bhd dan Syarikat Daya Pesat Sdn. Bhd. yang ditolak dan kemudiannya telah diluluskan pemberimilikan kepada Majlis Bandaraya Shah Alam bagi tujuan Kompleks Sukan dan Rekreasi/ Pusat Komuniti Sosial dan UMNO Bahagian Kota Raja.

Jawatankuasa mengadakan satu lawatan tapak tersebut pada 23 September 2010 (Khamis) pada jam 10.00 pagi. Lawatan tersebut dihadiri oleh Jabatan Audit Negeri Selangor, Pegawai Kewangan Negeri Selangor, Pegawai Daerah Klang dan Datuk Bandar MBSA. Penjelasan berkaitan diberikan semasa sesi taklimat tapak dan isu dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa seterusnya.

Jabatan Audit Negeri Selangor juga telah meneliti dokumen berkaitan dan telah memberikan ulasannya untuk makluman Jawatankuasa.

2.3.2. Aduan daripada H & L Multi-Trans Sdn Bhd

Aduan berhubung rayuan untuk membuktikan bahawa tidak bersalah atas tuduhan mencuri pasir di mana syarikat mendakwa penahanan dua buah lorinya atas kesalahan mencuri pasir. Syarikat mendakwa penahanan lori milik syarikat adalah masalah antara Syarikat Pengeluaran Pasir Agensi Kerajaan Negeri Selangor dan Syarikat KSSB.

Jawatankuasa telah memohon penjelasan bertulis kepada Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor dan masih menunggu jawapan sebelum dapat memberikan sebarang ulasan.

2.3.3. Masalah Pengeluaran Hak Milik Individu di Taman Murni, Sepang.

Permasalahan disebabkan oleh dokumen 12A dan Jadual 1 yang tidak lengkap oleh tuan tanah berdaftar, cukai tanah tertunggak sejak tahun 1995 dan tiada surat kebenaran daripada pemegang kaveat oleh pemohon.

Jawatankuasa pada Mesyuarat Bil 1/2011 telah dimaklumkan oleh Pejabat Daerah/Tanah Sepang dan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor berhubung permasalahan yang sedang dalam proses penyelesaian.

3.SYOR-SYOR DARIPADA JAWATANKUASA

Berdasarkan penelitian dan dapatan daripada taklimat, Jawatankuasa ini yang bertindak sebagai badan pemantau telah mengemukakan beberapa syor berikut untuk dipertimbangkan oleh jabatan berkenaan dan juga Kerajaan Negeri Selangor.

- 3.1. Syor kepada Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Pejabat Teknologi Maklumat dan Komunikasi untuk menyelaras dan membangunkan satu sistem yang menggunakan daftar Nombor Kad Pengenalan sebagai kata kunci bagi memudahkan pihak pengurusan tanah mengesan dan mengenal pasti pemilikan tanah. Melalui sistem ini, urusan berhubung dengan tanah juga dapat dikendalikan dengan cepat, mudah dan lebih berkesan pada masa akan datang.

- surat bertarikh 1 Mac 2010

- 3.2. Syor kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor, sebagai usaha membasmi kilang-kilang haram agar diwujudkan permit singkat masa yang perlu diperbaharui dalam tempoh masa tertentu dan dikenakan premium yang bersesuaian dengan sekala yang diceburi. Arahan penutupan kilang-kilang haram yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri akan tamat tempoh pada Jun 2010. Oleh itu Jawatankuasa berpandangan sekiranya penutupan diambil secara drastik, ia akan menimbulkan masalah lain yang tidak diingini. Walaubagaimanapun, pengusaha-pengusaha kilang yang menyumbang kepada masalah persekitaran tidak wajar diberikan pertimbangan.

- surat bertarikh 2 Jun 2010

- 3.3. Syor kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor agar mempertimbangkan sambungan semula tempoh permit khas daripada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor kepada peneroka di kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Selatan. Cadangan terhad kepada peneroka-peneroka sedia ada dan telah memberi maklumat lengkap seperti profil peneroka, tanaman yang diusahakan, keluasan tanaman dan tempoh masa mengusahakan tanaman tersebut. Syor ini wajar diberikan pertimbangan kerana aktiviti penanaman yang diusahakan turut menyumbang kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di kawasan sekitar.

- surat bertarikh 2 Jun 2010

4. PERAKUAN

Jawatankuasa ini ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Pejabat Daerah Negeri Selangor yang terlibat dalam sesi taklimat kepada Jawatankuasa, sesi lawatan Jawatankuasa dan semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung. Jawatankuasa berharap hubungan baik dapat dikekalkan di samping meningkatkan prestasi dan kecemerlangan dalam menjalankan fungsi dan peranan masing-masing.

Penyata ini dikemukakan bagi melaporkan aktiviti Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JPK-PADAT) sebagai makluman kepada Dewan yang mulia ini.



NG SUEE LIM
Pengerusi,
Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai
Pejabat Daerah dan Tanah

Mac 2011

AHLI –AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JPK-PADAT):

- | | |
|------------------------------------------------------------------------|-------------|
| 1. Y.B. Tuan Ng Suee Lim
(ADN Kawasan Sekinchan) | - Pengerusi |
| 2. Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman
(ADN Kawasan Meru) | - Ahli |
| 3. Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin haji shafiei
(ADN Kawasan Sri Muda) | - Ahli |
| 4. Y.B. Puan Gan Pei Nei
(ADN Kawasan Rawang) | - Ahli |
| 5. Y.B. Tuan Dr. Mohd Nasir bin Hashim
(ADN Kawasan Kota Damansara) | - Ahli |
| 6. Y.B. Tuan Yap Ee Wah
(ADN Kawasan Sungai Pelek) | - Ahli |

URUSETIA

- i) Encik Mohamad Yasid bin Bidin
(Setiausaha Bahagian Dewan / MMKN)
- ii) Puan Noor Diana binti Razali
(Penolong Setiausaha Dewan Negeri Selangor)
- iii) Puan Siti Salbiah binti Masri
(Penolong Pegawai Tadbir Dewan Negeri Selangor)
- iv) Cik Siti Salina bt. Muftar
(Setiausaha Pejabat)
- v) Cik Noor Syazwani bt Ab Hamid
(Setiausaha Pejabat)

Pegawai-Pegawai Yang Turut Hadir Dalam Mesyuarat:

- i) Encik Shamsul Azri bin Abu Bakar
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri
- ii) Puan Nik Azrimah Abdul Ghafar,
Wakil Bendahari Negeri Selangor
- iii) Y.M. Datin Paduka Ungku Arfah bt. Ungku Tahir
(Pengarah Audit Negeri Selangor)
- iv) Encik Roslan Bin Bakar
(Timbalan Pengarah Audit Negeri Selangor)
- v) Encik Ahmad Fazli Bin Osman
Ketua Penolong Pengarah Audit (N) Negeri Selangor
- vi) Puan Rahimas bt. Omar
Penolong Pengarah Audit (N) Negeri Selangor

